

HAK TERHADAP PENDIDIKAN BAGI PESALAH KANAK-KANAK: KAJIAN DI SEKOLAH HENRY GURNEY, MELAKA

THE RIGHT TO EDUCATION FOR JUVENILE OFFENDERS: A STUDY AT HENRY GURNEY SCHOOL MELAKA

ⁱMualimin Mohammad Sahid, ^{ii,*}Titin Samsudin, ⁱNik Rahim Nik Wajis & ⁱNurliyana Shahira Baharli

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱFakultas Syariah, IAIN Sultan Amai Gorontalo, Kota Gorontalo, 96135 Gorontalo, Indonesia

^{*}(Corresponding author) e-mail: titin.samsudin@iaingorontalo.ac.id

Article history:

Submission date: 13 June 2023

Received in revised form: 16 July 2024

Acceptance date: 3 December

Available online: 30 December 2024

Keywords:

SHG Telok Mas, Child Act 2001, education, rehabilitation centre, child offenders

Funding:

This article is a part of USIM Research Grant Scheme entitled: "Kajian Keberkesanan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dalam Menangani Masalah Jenayah Kanak-kanak Bawah Umur di Malaysia" and research collaboration with Postgraduate Program (Islamic Family Law), IAIN Sultan Amai, Gorontalo, Indonesia.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Mohammad Sahid, M., Samsudin, T., Nik Wajis, N. R., & Baharli, N. S. (2024). Hak terhadap pendidikan bagi pesalah kanak-kanak: Kajian di Sekolah Henry Gurney, Melaka: The right to education for juvenile offenders: A study at Henry Gurney School Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 609-619.

<https://doi.org/10.33102/mjsr.vol12no3.447>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

Sekolah Henry Gurney (SHG) Telok Mas, Melaka is an institution established under the Child Act 2001 as a rehabilitation school for children in legal conflict. The aim of the establishment of this institution is to improve the behaviour of child offenders and to protect their rights. Therefore, this study aims to determine the effectiveness of the Child Act 2001 in safeguarding the rights of child offenders to education during the punishment period at SHG Telok Mas, Melaka. The study is based on a qualitative research design and was conducted in SHG Telok Mas, Melaka. Observations, documentations and interviews were used for this study. This study found that children's right to education is upheld and that underage offenders are offered four educational courses that suit their interests and level, namely academic, craft, sports and religious and cultural courses. However, SHG Telok Mas Melaka does not have information on the number of repeat offenders to determine the cause of re-offending. It is recommended that SHG Telok Mas Melaka liaise with the Department of Prisons Malaysia to ascertain the number of repeat offenders in order to strengthen the right to education in SHG Telok Mas, Melaka.

ABSTRAK

Sekolah Henry Gurney (SHG) Telok Mas Melaka adalah sebuah institusi yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Ia adalah sebuah Sekolah Pemulihan bagi kanak-kanak yang berhadapan dengan konflik undang-undang. Objektif penubuhan sekolah ini adalah untuk memperbaiki akhlak dan dalam masa yang sama melindungi hak pesalah kanak-kanak. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti keberkesanan Akta Kanak-Kanak 2001 dalam aspek pemulihan serta perlindungan pesalah kanak-kanak yang menjalani hukuman di SHG Telok Mas, Melaka. Melalui kajian kualitatif yang dilakukan di SHG Telok Mas, Melaka, adalah didapati bahawa hak kanak-kanak dari sudut pendidikan adalah terpelihara di mana pesalah kanak-kanak disediakan empat pengkhususan pendidikan yang bersesuaian dengan minat dan tahap pesalah kanak-kanak iaitu kelas akademik, kelas kemahiran, kelas sukan, kelas agama dan kelas kebudayaan. Namun, SHG Telok Mas Melaka tidak mempunyai maklumat berkaitan jumlah pesalah berulang dan mekanisme bagi mengenal pasti punca permasalahan pesalah berulang ini. Justeru, kajian mencadangkan agar SHG Telok Mas Melaka bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia bagi mendapatkan jumlah pesalah berulang dan dapat meningkatkan sistem pendidikan di peringkat sekolah ini.

Pengenalan

Setiap kanak-kanak yang ditahan di mana-mana institusi tahanan adalah berhak untuk dijamin hak tanpa diskriminasi. Institusi tahanan tersebut bukan sahaja bertindak sebagai tempat menjalani perintah tetapi ia seharusnya berfungsi sebagai medium pemulihan bagi kanak-kanak yang berhadapan dengan konflik undang-undang. Meskipun kanak-kanak tersebut telah dilucut hak kebebasan disebabkan suatu kesalahan yang dilakukan dan disabitkan bersalah di atas kesalahan tersebut, seorang kanak-kanak masih mempunyai hak untuk menikmati hak-hak asasi manusia yang lain (Suhaini *et al.*, 2021). Justeru itu, setiap kanak-kanak yang ditahan di mana-mana institusi tahanan mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan demi masa depan kanak-kanak tersebut (Nguyen, 2017).

Melihat dari sudut perundangan di Malaysia, institusi tahanan bagi kanak-kanak untuk menjalani perintah Mahkamah adalah termasuk sekolah-sekolah yang diluluskan seperti mana dalam Seksyen 65(1) Akta 611, Asrama Akhlak (Seksyen 61 Akta 611), Sekolah Henry Gurney (SHG) (Seksyen 73 Akta 611) dan penjara. Justeru itu, kanak-kanak yang didapati bersalah dan wajar dilucutkan hak kebebasannya hendaklah ditahan di tempat tahanan menurut peruntukan undang-undang yang ada berdasarkan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah bagi kanak-kanak tersebut dan setelah mengambil kira faktor pemberat dan faktor peringangan hukuman ketika perbicaraan dijalankan.

Dari sudut sejarah, SHG ditubuhkan pada tahun 1948 dan merupakan institusi pertama yang ditubuhkan khusus untuk juvana. SHG merupakan sebuah institusi pemulihan belia yang ditubuhkan pada mulanya di Penjara Muar Johor dengan nama Sekolah Pemulihan Lanjutan. Institusi ini telah dipindahkan ke Telok Mas, Melaka pada tahun 1950 dan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya iaitu Sir Henry Gurney pada 19 Julai 1950 dan dinamakan sebagai Sekolah Henry Gurney (SHG). (Ariffin & Ahmad, 2021). SHG diwujudkan untuk menempatkan tahanan pesalah kanak-kanak yang dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di mana kuasa diberikan di bawah Seksyen 75(C) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) seperti berikut:

(c) Pada hemat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak—

- (i) Kesalahan yang dilakukan ialah daripada jenis yang serius; dan 84 Undang-Undang Malaysia Akta 611;
- (ii) Oleh sebab jenis tabiat dan kecenderungan jenayah kanak-kanak itu adalah suai manfaat kanak-kanak itu ditahan selama apa-apa tempoh dan diletakkan di bawah apa-apa ajaran dan tatatertib yang didapati paling berfaedah untuk memulihkan akhlaknya dan untuk membanteras jenayah, maka Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah, atas syor pegawai akhlak, menghantar kanak-kanak itu ke Sekolah Henry Gurney.

Merujuk kepada peruntukan di atas, SHG adalah sekolah pemulihan di bawah Jabatan Penjara Malaysia di mana Jabatan Penjara Malaysia berperanan melaksanakan program pemulihan ke atas penghuni melalui pelbagai pendekatan. Misi jabatan antaranya ialah menyediakan program pemulihan berkesan. Pemulihan untuk juvana ialah pendidikan melalui sistem persekolahan (Budin, 2013). Terdapat perbezaan dari sudut bentuk pemulihan yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi pesalah dewasa dan pesalah kanak-kanak di mana proses pemulihan bagi pesalah kanak-kanak adalah melalui pendidikan menerusi sistem persekolahan. Terdapat dua jenis sekolah pemulihan di Malaysia iaitu Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney (SHG).

Penubuhan sekolah pemulihan adalah di bawah Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan kerjasama di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia bagi menyediakan Pendidikan untuk banduan muda dan juvana yang diletakkan di bawah Program Pendidikan untuk Banduan Muda dan Juvana. Dasar program tersebut menubuhkan Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney bagi memberikan pendidikan kepada banduan muda dan juvana di mana Sekolah Integriti adalah sekolah untuk menempatkan juvana yang ditahan di bawah Akta Langkah-Langkah Pencegahan Khas Dadah 1985 dan juvana ditahan atau disabitkan selain dari Akta Kanak-Kanak 2001. Manakala, SHG menempatkan juvana yang disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak melalui Akta Kanak-Kanak 2001. Dalam pengkajian ini, fokus kajian adalah tertumpu kepada SHG.

Hasil kajian mendapati bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak cenderung untuk memerintahkan agar kanak-kanak yang dihantar kanak-kanak ke sekolah pemulihan bagi memastikan kanak-kanak tersebut mendapatkan hak pendidikan di samping menjalani hukuman di atas mana-mana kesalahan yang disabitkan ke atas mereka (Asman, 2019). Ini dapat dilihat di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Muhammad Sufian bin Mohd Sukri (K)* (2022) MLJU 1270 di mana Pegawai Akhlak mencadangkan untuk menempatkan kanak-kanak ke SHG kerana SHG memberikan hak dan ruang untuk kanak-kanak meneruskan pelajaran. Selain itu, Mahkamah di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad Amirol Syahmi bin Mohd Roslan* (2022) MLJU 548 di mana Pesalah Kanak-Kanak telah dituduh dengan tuduhan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan telah mengaku salah serta diperintahkan untuk kanak-kanak tersebut dihantar ke SHG selama tiga tahun. Antara hujah mahkamah dalam memerintahkan untuk pesalah kanak-kanak di hantar di SHG adalah kerana kanak-kanak tersebut memerlukan perintah dengan peraturan dan disiplin yang bersistem. Justeru itu, pembangunan dan pencegahan akan dicapai dengan perintah SHG yang diberikan oleh mahkamah.

Hak kepada pendidikan adalah suatu hak asasi yang bernaung di bawah hak kepada perkembangan dan pembangunan potensi individu. Manakala, hak kanak-kanak kepada pendidikan ini digariskan di peringkat antarabangsa dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Ghafar, 2021). Pendidikan menyeluruh adalah satu hak asasi manusia dan dikategorikan sebagai faktor utama pembangunan dan kemajuan sesebuah negara (Baherudin, 2021).

Justeru itu, setiap kanak-kanak adalah berhak untuk menerima pendidikan bagi dirinya meskipun disabitkan atas kesalahan di bawah mana-mana undang-undang. Pendidikan melalui sistem persekolahan merupakan elemen yang penting dan bukan sahaja memberi pelajaran semata-mata, bahkan merupakan saluran untuk kepentingan nilai-nilai murni (Mior Jamaluddin, 2011). Maka, SHG yang ditubuhkan sebagai tempat tahanan bagi pesalah kanak-kanak dan tidak terhad untuk bertindak sebagai tempat tahanan sahaja, bahkan SHG ditubuhkan untuk memberikan pendidikan dan memperbaiki akhlak pesalah kanak-kanak di samping menjaga hak dan kepentingan pesalah kanak-kanak tersebut.

Kajian ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor lwn Muhammad Thaqif bin Mohd Isa* (2022) MLJU 3188 di mana mahkamah telah memerintahkan untuk pesalah kanak-kanak tersebut dihantar ke SHG bagi menjalani hukuman dengan alasan bahawa SHG menawarkan kurikulum akademik dan vokasional yang dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memberi tumpuan dan meningkatkan kemahirannya untuk kepentingan masa depan kanak-kanak tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanannya Akta Kanak-Kanak 2001 dalam memelihara hak pesalah kanak-kanak tersebut dari sudut pendidikan selama menjalani hukuman di SHG Telok Mas, Melaka.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi pengumpulan maklumat iaitu kajian lapangan, tinjauan literatur dan kaedah temu bual. Penggunaan kaedah penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya (Ali, 2017). Menurut Hamzah (2004), kaedah kualitatif adalah untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil. Justeru itu, pengkaji telah membuat kajian lapangan dengan menggunakan kaedah tinjauan yang dijalankan di SHG Telok Mas Melaka di mana tiga orang pengkaji telah membuat tinjauan ke atas keseluruhan tempat kajian secara amnya dan secara khususnya telah membuat tinjauan ke atas sebahagian kaedah pendidikan yang dijalankan di SHG Telok Mas, Melaka. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui tinjauan literatur dan kaedah temu bual. Bagi kajian kualitatif menggunakan kaedah tinjauan literatur, tumpuan bahan adalah terhadap sumber-sumber primer yang berupa kajian lepas yang berbentuk kajian lapangan. Manakala, kaedah penyelidikan kualitatif melalui kaedah temu bual adalah melibatkan pegawai-pegawai di SHG Telok Mas Melaka. Oleh itu, kajian kualitatif digunakan bagi menyempurnakan pengkajian ini dengan menggunakan kaedah kajian lapangan, tinjauan literatur dan kaedah temu bual.

Dapatkan dan Perbincangan

Merujuk kepada Perkara 65(1), Akta Kanak-Kanak 2001, sekolah-sekolah yang ditubuhkan dan diluluskan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 hendaklah menyediakan pendidikan, latihan dan penahanan kepada kanak-kanak yang dihantar di sekolah pemuliharan tersebut. Peruntukan Perkara 65(1) Akta Kanak-Kanak 2001 adalah seperti berikut:

Sekolah diluluskan

65. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menubuhkan atau menetapkan sekolah-sekolah diluluskan yang dikehendaki bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang hendak dihantar ke sana menurut Akta ini.

Peruntukan Perkara 65(1) Akta Kanak-Kanak 2001 tersebut adalah selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan di mana kanak-kanak hendaklah menerima pendidikan secara formal. Selain itu, Perkara 38, Peraturan SHG juga telah memperuntukkan bahawa SHG hendaklah mewujudkan kelas Pendidikan untuk semua tahanan di SHG. Seterusnya, Perkara 39, Peraturan SHG telah memperuntukkan bahawa setiap penghuni hendaklah dibenarkan untuk dibenarkan mempunyai buku perpustakaan tidak lebih dari tiga buah dan bertukar-tukar buku dengan seberapa kerap yang boleh dilaksanakan (Samuri et al., 2021).

Justeru itu, Pendidikan yang diberikan di SHG Telok Mas, Melaka adalah bagi mematuhi peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Peraturan SHG 1949. Hasil kajian menunjukkan bahawa SHG Telok Mas Melaka secara umumnya telah memberikan akses pendidikan yang terbaik kepada pesalah kanak-kanak yang ditempatkan di SHG Telok Mas Melaka selama tempoh menjalani tahanan. Ini kerana, SHG Telok Mas Melaka telah menyediakan akses pendidikan yang pelbagai bagi memenuhi keperluan dan minat pesalah kanak-kanak tersebut.

Pendidikan Bersasar

SHG Telok Mas Melaka menjalakan pendidikan secara bersasar di mana kelas pendidikan dibahagikan kepada empat kelas utama iaitu kelas akademik, kelas sukan, kelas agama, kelas kemahiran dan kelas kebudayaan. Justeru itu, pesalah kanak-kanak adalah tidak terhad kepada kelas akademik sahaja, bahkan pesalah kanak-kanak diberi pilihan untuk mendaftarkan diri di kelas yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran pesalah kanak-kanak tersebut serta mengambil kira faktor minat dan kebolehan pesalah kanak-kanak tersebut.

Kelas-kelas yang disediakan di SHG merangkumi pengajian asas yang sangat perlu bagi pesalah kanak-kanak sebagai satu kaedah pemuliharan serta sebagai persediaan bagi mereka untuk menghadapi kehidupan yang lebih mencabar sebaik tamat tempoh tahanan mereka di SHG. Kelas akademik ditawarkan bagi memastikan para tahanan tidak terlepas peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi di masa akan datang. Kesalahan lalu mereka tidak sewajarnya menghalang mereka dari

mencorakkan diri mereka bagi kehidupan yang lebih cemerlang melalui pendidikan. Manakala kelas sukan pula adalah bertujuan untuk memastikan tahanan sentiasa dalam keadaan cergas serta sihat tubuh badan. Ini juga salah satu perkara yang amat wajar diberi perhatian. Manakala kelas agama pula diwujudkan bagi memastikan setiap tahanan memahami prinsip agama, hukum hakam, dosa dan pahala serta perkara yang berkaitan dengan kerohanian. Ini merupakan perkara yang sangat penting bagi tahanan kanan-kanak agar mereka lebih berhati-hati di masa yang akan datang agar tidak terjerumus kembali ke dalam kancang jenayah dan dosa. Manakala kelas kebudayaan pula disediakan bagi mendedahkan kepada para tahanan tentang kebudayaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Dengan memahami berbezaan kebudayaan kaum, diharapkan para tahanan dapat memahami realiti bahawa mereka hidup dalam masyarakat yang berbeza dari mereka dari sudut bangsa, agama dan budaya. Dengan kefahaman ini diharapkan mereka dapat hidup dalam keadaan yang harmoni serta bertoleransi antara satu sama lain.

SHG Telok Mas Melaka adalah tempat tahanan yang menempatkan pesalah kanak-kanak lelaki dan pesalah kanak-kanak perempuan. Justeru itu, jenis pendidikan yang ditawarkan di SHG Telok Mas Melaka turut mengambil kira jantina pesalah kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh, kajian mendapati bahawa pesalah kanak-kanak perempuan yang berdaftar di kelas kemahiran diberi akses pendidikan kelas jahitan dan masakan. Manakala, pesalah kanak-kanak lelaki yang berdaftar di kelas kemahiran diberi akses pendidikan kelas elektrik dan elektronik.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Rajuddin dan Ali (2010) terhadap pesalah kanak-kanak lelaki di SHG Telok Mas Melaka berhubung program latihan kemahiran vokasional yang dijalankan, kajian mendapati bahawa responden-responden mempunyai minat yang tinggi terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan serta mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional yang dijalankan dalam menentukan masa depan responden-responden tersebut. Ini menunjukkan bahawa pesalah kanak-kanak lelaki mempunyai minat yang tinggi terhadap latihan dan kelas yang diberikan. Ini membuktikan bahawa respons yang positif daripada pesalah kanak-kanak sendiri terhadap akses pendidikan berbentuk kemahiran yang dijalankan di SHG Telok Mas, Melaka.

Selain itu, akses pendidikan kelas agama turut diberikan kepada semua pesalah kanak-kanak tanpa membezakan jantina dan agama di mana kelas fardu ain disediakan kepada pesalah kanak-kanak yang beragama Islam dan kelas pendidikan moral disediakan kepada pesalah kanak-kanak yang bukan beragama Islam mengikut kepercayaan masing-masing. Merujuk kepada kelas pendidikan agama, satu kajian khusus telah dijalankan oleh Ariffin dan Ahmad (2021) berhubung pendidikan agama Islam di SHG Telok Mas, Melaka. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa SHG Telok Mas Melaka telah menempa sejarah tersendiri dengan tertubuhnya Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney pada 4 Januari 2016 dan diiktiraf sebagai sekolah perintis atau sekolah pertama di Institusi Jabatan Penjara Malaysia yang melaksanakan pendidikan Islam secara formal. Penglibatan pesalah kanak-kanak terhadap kelas pendidikan agama Islam adalah sangat baik di mana seramai 150 orang pesalah kanak-kanak yang terdiri daripada 124 orang pelajar lelaki dan 26 orang pelajar perempuan telah mendaftarkan diri sebagai pelajar kumpulan pertama pada sesi persekolahan tersebut dan seramai tujuh orang guru yang dapat dibekalkan pada peringkat awal untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran kelas pendidikan Islam secara formal. Ini menunjukkan respons yang positif daripada pesalah kanak-kanak yang beragama Islam di SHG Telok Mas Melaka berhubung pembukaan kelas pendidikan agama Islam.

Selain itu, usaha SHG Telok Mas, Melaka memberikan hak pendidikan kepada pesalah kanak-kanak sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021 seperti yang diarahkan oleh kerajaan pada ketika itu dapat dilihat apabila Guru-guru Unit Akademik SHG Telok Mas, Melaka telah melaksanakan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) kepada calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia 2021. Kaedah ini disediakan bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara atas talian dengan lebih selesa (Jabatan Penjara Malaysia, 2021).

Aktiviti pendidikan seperti di atas menunjukkan bahawa SHG Telok Mas, Melaka telah berusaha sebaiknya untuk memberikan hak pendidikan kepada kanak-kanak yang ditahan dan ditempatkan di SHG Telok Mas, Melaka. Malahan, kanak-kanak yang ditempatkan di mana-mana SHG telah mendapatkan hak pendidikan yang sewajarnya dari sudut akademik dan kemahiran.

Pendidikan Sahsiah

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan merupakan asas paling utama dalam proses pembentukan peribadi serta akhlak para pelajar dan ia adalah satu aset yang sangat penting dalam Islam. Pendidikan yang sempurna akan melahirkan insan yang berakhhlak mulia dan mempunyai budi pekerti tinggi. Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda:

Terjemahan: Aku diutuskan bagi menyempurnakan akhlak manusia.

(Musnad Al-Bazzar, t.th., Hadis 364)

Dari hadis di atas jelas menunjukkan bahawa salah satu tugas utama Nabi SAW adalah membentuk akhlak dan peribadi manusia. Ini memberi gambaran tentang perihal pentingnya pembentukan akhlak manusia yang mana ianya diberikan perhatian yang sangat serius oleh Islam.

Pendidikan dari sudut sahsiah boleh diperolehi dari daripada pendidikan secara formal dan tidak formal serta faktor sokongan melalui pembelajaran sosial sentiasa mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar (Nurjannah & Nur, 2022). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2011), sahsiah adalah perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud keperibadian atau peribadi. Pendidikan sahsiah ke atas pesalah kanak-kanak adalah amat penting kerana keperibadian adalah kunci utama supaya kanak-kanak tersebut tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa hadapan. Selain itu, pendidikan ialah suatu proses membentuk individu yang berakhhlak mulia.

Dari sudut pendidikan sahsiah pesalah kanak-kanak di SHG Telok Mas, Melaka, kajian mendapati bahawa SHG Telok Mas Melaka menitikberatkan pendidikan sahsiah pesalah kanak-kanak bagi memastikan kesediaan para pesalah kanak-kanak untuk kembali kepada masyarakat selepas tamat tempoh tahanan. Ini bertepatan dengan moto SHG iaitu *resurgam* yang diambil daripada bahasa Latin yang bermaksud “*we shall rise again*”. Hasil tinjauan mendapati bahawa SHG Telok Mas Melaka turut memberikan pendidikan dari sudut sahsiah para pesalah kanak-kanak bagi membentuk semula diri pesalah kanak-kanak untuk menjadi modal insan yang lebih baik. Justeru itu, disiplin diri dan tanggungjawab sangat dititikberatkan dalam kehidupan pesalah kanak-kanak.

Selain itu, konsep kepercayaan kepada penghuni SHG turut diketengahkan oleh pihak pegawai-pegawai di SHG Telok Mas Melaka yang diambil daripada Sistem Borstal iaitu setiap pesalah diberi kepercayaan. Ini adalah salah satu usaha untuk mendidik semula jiwa dan emosi para pesalah kanak-kanak. Pendidikan sahsiah ini memberi kesan terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka. Sebagai contoh, pesalah kanak-kanak yang mewakili SHG Telok Mas Melaka dalam mana-mana aktiviti atau pertandingan di peringkat luar hendaklah mempunyai sahsiah yang baik bagi membolehkan pesalah kanak-kanak tersebut menyertai aktiviti atau pertandingan tersebut. Oleh yang demikian, pesalah kanak-kanak bukan sahaja diberikan pendidikan secara formal melalui empat kelas yang diberikan di SHG Telok Mas Melaka, namun sahsiah dan keperibadian pesalah kanak-kanak turut ditekankan bagi melengkapkan persediaan ke atas pesalah kanak-kanak untuk kembali kepada masyarakat.

Sistem persekolahan yang terbaik adalah sistem yang meliputi keseluruhan kehidupan masyarakat di mana ia tidak hanya terhenti di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi, namun ia menjadi kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan memberi sumbangan bagi memartabatkan bangsa dan negara (Mior Jamaluddin, 2011). Justeru itu, kajian dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana keberkesanan Pendidikan yang diberikan di SHG Telok Mas Melaka dapat memberi jalan dan membentuk haluan pesalah kanak-kanak selepas keluar dari SHG Telok Mas Melaka. Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap keberkesanan pendidikan yang dijalankan di SHG Telok Mas Melaka, terdapat banyak pencapaian dan kejayaan yang berjaya diraih dan diwujudkan di SHG Telok Mas Melaka.

Keberkesanan dari Sudut Akademik dan Kemahiran

Dari sudut kemahiran, hasil tinjauan kajian di SHG Telok Mas Melaka mendapati bahawa terdapat permintaan daripada masyarakat luar terhadap perniagaan biskut (*cookies*) yang dihasilkan oleh pesalah kanak-kanak SHG Telok Mas Melaka bagi aktiviti majlis sosial dan keramaian. Secara umumnya, masyarakat tidak menghadapi masalah untuk menggunakan produk keluaran penjara. Walau bagaimanapun kajian juga telah mengenal pasti bahawa pengguna utama produk penjara adalah

kakitangan Jabatan Penjara sendiri. Bagi masyarakat luar, pengetahuan serta akses produk merupakan dua faktor utama mereka tidak menggunakan produk penjara (Maulan *et al.*, 2019).

Pada tahun 2020, seluruh Malaysia terkesan dengan penularan COVID-19 serta ramai pihak yang memberikan bantuan dan sumbangan bagi mengekang penularan wabak tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk SHG Telok Mas Melaka dengan peralatan kemahiran telah memberi sumbangan perkhidmatannya kepada petugas barisan hadapan COVID-19 2020 dengan menyumbangkan 500 pakaian perlindungan diri (PPE). Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang ditahan di SHG Telok Mas Melaka boleh dibentuk dan diubah menjadi lebih baik dengan dorongan dan bimbingan yang betul. Ini menunjukkan bahawa pendidikan dapat mengubah seseorang menjadi lebih baik (Suhaini *et al.*, 2021). Pendidikan merupakan salah satu penanda aras terpenting dalam menentu kualiti hidup manusia serta merupakan perkara penting dalam alaf pemodenan pada hari ini (Samion & Awang, 2017).

Selain itu, pesalah kanak-kanak turut dijemput untuk membuat persesembahan di aktiviti majlis sosial dan keramaian termasuk majlis formal serta mengikuti pertandingan yang dianjurkan oleh pihak luar sehingga ke peringkat kebangsaan. Ini adalah bukti bahawa masyarakat luar menerima baik kehadiran semula pesalah kanak-kanak.

Seterusnya, hasil kajian pengkaji mendapati bahawa SHG Telok Mas, Melaka adalah di antara sekolah pemulihan yang berjaya melahirkan produk insan yang cemerlang dari sudut akademik. Contohnya terdapat pencapaian akademik yang cemerlang iaitu seramai 13 pelajar cemerlang SHG Telok Mas Melaka pada peperiksaan SPM 2021 (Abdul Majid, 2022) serta terdapat warga SHG Telok Mas Melaka yang telah mencapai pencapaian cemerlang sehingga layak untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (Suhaini *et al.*, 2021). Kejayaan demi kejayaan telah ditempa oleh SHG Telok Mas Melaka sama ada di dalam dan di luar Malaysia. Ini membuktikan bahawa pihak pengurusan pentadbiran SHG Telok Mas Melaka tidak menjadikan cabaran-cabarhan yang dihadapi sebagai batu penghalang untuk terus memberikan pendidikan yang terbaik kepada pesalah kanak-kanak.

Keberkesanan dari Sudut Sosial

Dari sudut pendidikan sosial, kajian mendapati bahawa SHG Telok Mas Melaka turut memberi perhatian dari sudut sokongan sosial kepada pesalah kanak-kanak di mana sokongan sosial ini memberi kesan kepada sahsiah dan peribadi pesalah kanak-kanak. Sokongan sosial dilihat memainkan peranan penting dalam membentuk daya tahan banduan muda dan sokongan sosial ini bermula daripada keluarga. Keadaan ini disebabkan setiap individu itu berasal daripada sebuah keluarga (Md Ridzwan & Wan Sulaiman 2017).

Keluarga memainkan peranan yang sangat signifikan dalam pembentukan akhlak dan peribadi kanak-kanak. Ibu bapa khususnya adalah guru pertama bagi seorang kanak-kanak dan mereka adalah individu yang paling rapat dan paling berpengaruh terhadap kanak-kanak. Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda:

Terjemahan: Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanya yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.

(Sahih Al-Bukhari, t.th., Hadis 1385)

Hadis di atas dengan jelasnya menggambarkan betapa besarnya pengaruh ibu bapa kepada anak-anak sehingga agama kanak-kanak itu sendiri banyak dipengaruhi oleh ibu bapa. Justeru itu, aktiviti sosial dan keramaian seperti perjumpaan ahli keluarga atau sambutan perayaan turut dianjurkan oleh pihak SHG Telok Mas Melaka bagi memastikan pesalah kanak-kanak tersebut sentiasa mendapat sokongan moral daripada ahli keluarga terdekat khususnya ibu dan bapa mereka.

Aktiviti sosial seperti lawatan dan perjumpaan di antara ibu bapa atau penjaga dengan kanak-kanak yang ditempatkan di SHG Telok Mas Melaka adalah merupakan hak yang hendaklah diberikan kanak-kanak tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di Perkara 37(c) Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK). Perkara 37(c) KHKK memperuntukkan seperti berikut:

(c) Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasan hendaklah dilayan dengan perikemanusiaan dan dengan hormat bagi maruah diri manusia yang sedia ada, dan mengikut cara yang mengambil kira keperluan orang yang sama umur dengannya. Secara khusus, tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasan hendaklah dipisahkan daripada orang dewasa melainkan jika ia disifatkan demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu untuk tidak berbuat demikian dan hendaklah mempunyai hak untuk mengekalkan perhubungan dengan keluarganya melalui surat-menjurut dan lawatan kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa;

Berdasarkan temu bual bersama pegawai-pegawai di SHG Telok Mas Melaka, kanak-kanak di SHG Telok Mas Melaka juga diberi hak untuk pulang ke rumah pada tarikh-tarikh tertentu yang telah dijadualkan oleh pihak SHG Telok Mas Melaka tanpa sebarang kawalan atau pemerhatian khusus yang diberikan kepada kanak-kanak tersebut. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang diperintahkan untuk menjalani tempoh tahanan di SHG Telok Mas Melaka bukan sahaja menerima hak pendidikan tetapi juga diberi hak lawatan ibu bapa atau penjaga.

Hak Pengampunan Awal atau Pengampunan bagi tujuan Pendidikan

Perkara 75(3)(a)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 telah memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang ditahan di SHG diberi hak untuk dibebaskan lebih awal daripada tempoh tahanan yang diperintahkan ke atasnya di atas sebab-sebab tertentu seperti mendapat tawaran menyambung pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT). Perkara 75(3)(a)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan seperti berikut:-

- (3) Walau apa pun subseksyen (2), Ketua Pengarah Penjara boleh, menurut budi bicaranya—
- memendekkan tempoh tahanan seseorang kanak-kanak di Sekolah Henry Gurney atas sebab-sebab yang pada hematnya mencukupi; atau
 - melepaskan mana-mana kanak-kanak itu dengan ,kebenaran selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

Berdasarkan peruntukan tersebut, kanak-kanak yang telah mendapat keputusan cemerlang pada peperiksaan SPM dan telah mendapat tawaran untuk menyambung pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) diberi hak dan peluang untuk dibebaskan awal atau mendapat pengampunan lebih awal daripada tempoh perintah tahanan yang diperintahkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi tujuan menyambung pengajian tersebut. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut tidak dinafikan haknya untuk menyambung pendidikan di peringkat IPT selepas tamat peperiksaan SPM dan masih berbaki tempoh tahanan di SHG Telok Mas Melaka.

Cabaran Pendidikan di SHG Telok Mas Melaka

Di sebalik tuntutan undang-undang untuk setiap kanak-kanak yang ditahan di SHG hendaklah diberikan pendidikan, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh SHG Telok Mas Melaka dalam memperkasakan sistem pendidikan di sekolah pemulihan tersebut. Antaranya adalah kekurangan kemudahan prasarana dan infrastruktur.

Kemudahan yang lengkap bagi sesuatu kemahiran yang akan dipelajari adalah satu kemestian. Sesuatu kumpulan latihan tidak boleh mempunyai terlalu ramai pelatih. Jumlah yang sesuai mungkin antara 8 hingga 15 orang bagi setiap kumpulan latihan. Manakala kemudahan yang disediakan seperti ruang latihan, ruang belajar, peralatan dan bahan-bahan pembelajaran mestilah untuk jumlah yang ditetapkan (Ahmad Suhaimi, 2006). Justeru itu, kekurangan kemudahan fizikal dan peralatan untuk pelaksanaan pembelajaran kemahiran memberi kesan terhadap keberkesanan pendidikan tersebut. Walau bagaimanapun bagi sekolah SHG, kemudahan prasarana untuk proses pengajaran dan pembelajaran perlu mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Pembinaan sekolah di dalam penjara yang mempunyai struktur bangunan yang berbeza menyebabkan fungsi sebuah sekolah menjadi agak sukar. Fungsi sebagai sebuah sekolah tidak dapat dilaksanakan berikutan prasarana yang kurang lengkap (Budin, 2013).

Berdasarkan tinjauan pengkaji di SHG Telok Mas, kemudahan asas bagi tujuan pendidikan dan riadah disediakan dengan baik seperti kelas kemahiran menjahit, kelas memasak, kelas muzik dan tempat bersukan. Namun, masih terdapat beberapa bangunan yang sedang dibina bagi menambah baik prasarana dan kemudahan di SHG Telok Mas Melaka. Namun begitu, pendidikan akademik, sukan dan kemahiran masih dapat diberikan dengan baik kepada kanak-kanak di SHG Telok Mas Melaka sehingga pelbagai kejayaan dapat dicapai dan diiktiraf di sekolah pemulihannya tersebut.

Selain itu, kekurangan pendidik juga menjadi cabaran yang dihadapi di SHG Telok Mas Melaka di mana hanya beberapa guru yang ditempatkan di SHG Telok Mas Melaka bagi mendidik kanak-kanak tersebut dan guru-guru yang ditempatkan bukan hanya mengajar satu subjek sahaja tetapi guru tersebut juga mengajar beberapa subjek yang lain yang. Walau bagaimanapun, jumlah guru yang terhad juga adalah disebabkan jumlah pelajar yang ditempatkan di SHG Telok Mas Melaka bagi setiap kelas adalah sedikit berbanding jumlah pelajar di sekolah biasa yang mempunyai jumlah pelajar sekurang-kurangnya 40 orang bagi setiap kelas.

Seterusnya, kanak-kanak yang diempatkan di SHG Telok Mas Melaka juga tidak diberikan kelas tambahan atau tuisyen sekiranya kanak-kanak tersebut masih lemah di dalam subjek tertentu. Namun, pengkaji berpandangan bahawa kelas tambahan/tuisyen bukanlah satu kewajipan yang perlu disediakan bagi setiap pelajar dan kebanyakannya kelas tambahan yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah kelas tambahan berbayar. Maka, kelas tambahan bukanlah menjadi satu kemestian yang hendaklah disediakan oleh pihak SHG Telok Mas Melaka. Tambahan lagi, keputusan peperiksaan besar bagi kanak-kanak di SHG Telok Mas Melaka iaitu peperiksaan SPM bagi tahun 2021 adalah di tahap baik sehingga cemerlang.

Kesimpulan

Pendidikan adalah hak bagi setiap kanak-kanak meskipun kanak-kanak tersebut telah disabitkan atas kesalahan di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia dan diperintahkan untuk menjalani tempoh tahanan dalam satu tempoh yang ditetapkan. Justeru itu, SHG yang ditubuhkan sebagai tempat tahanan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 hendaklah memastikan bahawa hak kanak-kanak terhadap pendidikan diberikan sebaiknya.

Hasil kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang diperintahkan untuk menjalani tempoh tahanan di SHG Telok Mas Melaka telah diberi hak pendidikan yang sewajarnya. Justeru itu, Akta Kanak-Kanak 2001 secara umumnya berkesan dalam menjaga hak dan kebajikan kanak-kanak yang menghadapi konflik undang-undang. Keberkesanan Akta Kanak-Kanak 2001 dalam menjaga hak dan kepentingan kanak-kanak untuk menerima pendidikan selama menjalani tempoh tahanan dapat dilihat menerusi akses pendidikan yang dijalankan di SHG Telok Mas Melaka.

Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati bahawa pihak pengurusan SHG Telok Mas Melaka tidak mempunyai data berhubung pesalah kanak-kanak berulang. Ini kerana, SHG Telok Mas Melaka adalah menempatkan pesalah sehingga berumur dua puluh satu tahun sahaja dan majoriti pesalah kanak-kanak yang ditempatkan di SHG Telok Mas Melaka adalah berumur empat belas hingga tujuh belas tahun dan tempoh tahanan adalah lebih kurang tiga tahun. Justeru itu, pengkaji mencadangkan agar pihak pengurusan SHG Telok Mas Melaka bekerjasama dengan pihak pengurusan maklumat di Jabatan Penjara Malaysia dalam mengenal pasti jumlah pesalah berulang. Ini amatlah penting bagi mengenal pasti punca utama pesalah berulang yang melibatkan pesalah kanak-kanak bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan di peringkat SHG Telok Mas, Melaka.

Pengkaji juga merujuk kepada pandangan Tuan Majistret di dalam kes *Pendakwa Raya lwn MEI (kanak-kanak)* (2022) MLJU 1730 yang menghujahkan bahawa objektif sesuatu hukuman dijatuhkan kepada pesalah di sesebuah negara adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersahsiah tinggi, patuh kepada undang-undang dan mengurangkan kadar jenayah dalam negara. Justeru itu, perintah bagi kanak-kanak untuk dihantar ke SHG bagi menjalani pemulihan adalah merupakan satu perintah yang wajar kerana objektif perintah tersebut dapat dicapai. Kesimpulannya, pengkaji berpandangan bahawa penubuhan Akta Kanak-Kanak 2001 adalah berkesan dari sudut objektif hukuman yang berbentuk pemulihan dengan menempatkan pesalah kanak-kanak di sekolah-sekolah pemulihan seperti SHG Telok Mas Melaka bagi memperbaiki akhlak dan peribadi pesalah kanak-kanak.

Rujukan

- Abdul Majid, M. F. (2022, October 5). "Pelajar cemerlang sekolah Henry Gurney tangguh hasrat ke menara gading demi adik-adik". Melaka Hari Ini. <https://www.melakahariini.my/pelajar-cemerlang-sekolah-henry-gurney-tangguh-harsrat-ke-menara-gading-demi-adik-adik/>
- Al-Bazzar, A. B. (2009). *Musnad Al-Bazzar* (Tahqiq: Mahfuz Rahman). Maktabah Al-Ulum wa Al-Hikam.
- Ali, N. (2017). Pendekatan temu bual sebagai metod kajian kes di kalangan pelajar terhadap bimbingan dan kaunseling. *UTM Institutional Repository*, 1–12.
- Ariffin, M. T., & Ahmad, S. Z. (2021). Pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pesalah juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 36–52.
- Asman, A. (2019). Pernikahan di bawah umur akibat hamil di luar nikah dan dampak psikologis pada anak di Desa Makrampai Kalimantan Barat. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 4(1), 79–100. <https://doi.org/10.29240/jhi.v4i1.784>
- Baherudin, M. S. (2021). Hak asasi manusia menurut Perlembagaan Persekutuan. *i-WIN Library Perpustakaan Internasional Waqaf Ilmu Nusantara*.
- Budin, D. (2013). Juvenile educations in Jabatan Penjara Malaysia: Policy, direction, implementation and challenges. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 87–104.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2011). *Kamus dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur.
- Ghafar, A. B. (2021). Hak pendidikan untuk kanak-kanak di Malaysia dalam era pandemik COVID-19. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14, 152–159.
- Hamzah, A. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Malaysian Journal of Media Studies. Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1–10.
- Jabatan Penjara Malaysia. (2020, June 3). "Sekolah Integriti Jabatan Penjara Malaysia". Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/sekolah-integriti>
- Jabatan Penjara Malaysia. (2021, July 6). "Unit Akademik SHG Telok Mas laksanakan PdPR kepada pelajar SPM 2021". Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia. <https://www.prison.gov.my/en/latest-news/3611-unit-akademik-shg-telok-mas-laksanakan-pdpr-kepada-pelajar-spm-2021>
- Maulan, S., Mohd Isa, K., Md Zamin, A. A., & Sulaiman, M. K. (2019). Persepsi masyarakat terhadap produk buatan penjara. *Malaysia Correctional Journal*, 3, 38–56.
- Md Ridzwan, M. A., & Wan Sulaiman, W. S. (2017). Hubungan di antara sokongan sosial, strategi daya tindak, kesediaan berubah dan resilien di kalangan banduan muda. *Malaysia Correctional Journal*, 5, 156–179.
- Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4(1), 33–48.
- Mohd Taib, M. T., & Mustapha, R. (2017). Kemudahan prasarana dalam pelaksanaan mata pelajaran teknologi kejuruteraan, lukisan kejuruteraan dan reka cipta di sekolah menengah harian Malaysia. *Sains Humanika*, 9(1–5). <https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1171>
- Nguyen, C. (2017). Made by children: The exploitation of child labour in agriculture, industry and the service sector in mainland China. *Brawijaya Law Journal* 4(2), 237–254. <https://doi.org/10.21776/ub.blj.2017.004.02.06>
- Nurjanah, S., & Nur, I. (2022). Childfree: Between the sacredness of religion, law, and the social reality. *Al-'Adalah*, 19(1), 1–28.
- Pendakwa Raya lwn MEI (kanak-kanak) (2022) MLJU 1730.
- Pendakwa Raya lwn Mohamad Amiroli Syahmi bin Mohd Roslan (2022) MLJU 548.
- Pendakwa Raya lwn Muhammad Sufian bin Mohd Sukri (K) (2022) MLJU 1270.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang. (2011). *Akta Kanak-Kanak 2011 (Akta 611)*. Nasional Malaysia Berhad.
- Public Prosecutor v Muhammad Thaqif bin Mohd Isa (2022) MLJU 3188.
- Rajuddin, M. R., & Ali, D. F. (2010). Persepsi pelatih - pelatih lelaki Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka terhadap program latihan kemahiran vokasional yang dijalankan. In *Seminar Pendidikan Teknik & Vokasional Kali Ke-3* (pp. 1-11).

- Samion, S. S., & Awang, A. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar (Education as quality components of life in the suburban community). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267–280.
- Samuri, M. A. A., Mohd Awal, N. A., Md Sham, F., & Zainol, N. I. (2021). Hak kanak-kanak dalam institusi tahanan menurut instrumen antarabangsa dan perundangan Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 283–305. <https://doi.org/10.32890/uumjls2021.12.2.12>
- Suhaini, N., Aziz, S., Yusof, F., Arifain, S. M. K., & Suhaini, N. (2021). Effectiveness of education and spiritual rehabilitation in Henry Gurney School Telok Mas Melaka. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1832 – 1839. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i8/10894>